



Tarikh : 09 Februari 2018

KEPADA YANG BERKENAAN ;

Tuan / Puan,


**MAKLUMAN PENANGGUHAN PENGANJURAN PROGRAM KOMPETENSI DAN SESI
PEPERIKSAAN *CHEMICAL HEALTH RISK ASSESSMENT (CHRA)***

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menyiapkan Manual *Chemical Health Risk Assessment (CHRA)* Edisi ke-3 bagi menggantikan Manual Edisi ke-2. Manual CHRA terkini ini akan dilancarkan secara rasminya pada 14 Februari 2018.
3. Sehubungan dengan itu, pihak JKKP telah meminta pihak NIOSH untuk menangguhkan semua penganjuran program kompetensi dan peperiksaan yang berasaskan Manual CHRA Edisi ke-2 sebaik sahaja Manual CHRA Edisi ke-3 ini dilancarkan.
4. Oleh itu, pihak NIOSH akan mengendalikan semula program kompetensi dan peperiksaan CHRA ini pada satu tarikh yang akan diberitahu kemudian selepas mengemaskini semua modul / silibus dan peperiksaan CHRA yang sedia ada selaras dengan kehendak Manual CHRA Edisi ke-3.
5. Sekiranya pihak tuan / puan inginkan penjelasan lanjut, sila hubungi En. Muhammad Alif bin Rosli (Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan) di talian 03-89113948 / emel training@niosh.com.my dan En. Mohd Zaki Mohd Zain (Bahagian Peperiksaan dan Persijilan) di talian 03-89113907 / emel exam@niosh.com.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


AYOP BIN SALLEH
PENGARAH EKSEKUTIF
NIOSH